

BERTARIKH PADA 17 HARI SELASA BULAN JUN
2025

ANTARA

UNIVERSITAS DARUSSALAM GONTOR
(“UNIDA Gontor”)

DAN

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU
KELANTAN**
(“MAIK”)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM LUNDANG,
JALAN SULTAN YAHYA PETRA
15200 KOTA BHARU

TEL: (609) 7481512
FAX: (609) 7485512
EMAIL: maik@e-maik.my

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (selepas ini dipanggil "MOU") dibuat pada hari Sabtu tarikh 14 bulan Jun 2025

DIANTARA

- (1) **UNIVERSITAS DARUSSALAM GONTOR** sebuah perguruan tinggi swasta yang beralamat di Jl. Raya Siman, Demangan, Siman, Ponorogo, East Java, Indonesia, 63471 (selepas ini dipanggil "UNIDA Gontor"), sebagai satu Pihak; dan
- (2) **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**, sebuah badan berkanun negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dan mempunyai alamat di Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan (selepas ini dipanggil "MAIK"), sebagai satu Pihak lagi satu.

(UNIDA Gontor dan MAIK secara individu akan dirujuk sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai Pihak-Pihak.)

BAHAWASANYA:

- (A) UNIDA Gontor adalah sebuah perguruan tinggi swasta berbasis pesantren yang berada di bawah naungan **Pondok Modern Darussalam Gontor**, Ponorogo, Jawa Timur. Universitas ini didirikan sebagai wujud lanjutan dari cita-cita luhur para pendiri Gontor untuk melahirkan cendekiawan Muslim yang tidak hanya unggul secara akademik, tetapi juga kuat secara spiritual dan moral.
- (B) MAIK merupakan sebuah perbadanan negeri yang bertanggungjawab membantu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan berkenaan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan hendaklah menjadi pihak berkuasa yang utama di Negeri ini dalam semua perkara mengenainya.
- (C) Pihak-Pihak dengan itu berhasrat untuk menandatangani MOU ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung selepas ini.

PIHAK-PIHAK DENGAN INI BERSETUJU SEPERTI BERIKUT: -

1. OBJEKTIF DAN TANGGUNGJANAN

- 1.1. Pihak-pihak, tertakluk kepada terma MOU ini dan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, bersetuju untuk memperkuuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama bersesama dan saling memberi manfaat kepada pihak-pihak, antara lain:
 - (i) Pihak-pihak bersetuju untuk mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bentuk melalui perkongsian maklumat, dana, kepakaran, perkhidmatan dalam bidang akademik secara spiritual dan moral di antara UNIDA Gontor dengan MAIK dalam program pembangunan akademik, kemahiran insaniah professional, Latihan kepimpinan dan spesialis

selaras dengan pelaksanaan objektif dan aktiviti dan/ atau program Pihak-Pihak.

- 1.2. Bagi mencapai objektif MOU ini, Pihak-Pihak akan berusaha atas dasar kepentingan bersama iaitu pada lingkungan undang-undang, perlembagaan, peraturan- peraturan dan/atau dasar masing-masing.
- 1.3. MOU ini hendaklah menjadi asas persetujuan bagi Pihak-Pihak untuk melihat kemungkinan mengadakan kerjasama berterusan melalui aktiviti dan / atau program khusus pada peringkat selepas ini atas terma dan syarat-syarat yang dipersetujui bersama.
- 1.4. Mana-mana Pihak boleh menjemput penyertaan pihak ketiga dalam aktiviti dan/atau program bersama yang dijalankan di bawah MOU ini atas persetujuan Pihak yang satu lagi. Dalam menjalankan aktiviti dan/atau program bersama tersebut, Pihak-Pihak hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga itu hendaklah mematuhi peruntukan MOU ini.

2. TEMPOH DAN TARIKH BERKUATKUASA

Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa MOU ini akan berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani dan akan terus berkuatkuasa selama [lima (5) tahun] kecuali dan apabila ianya ditamatkan secara sahnya seperti yang telah diperuntukkan di dalam MOU ini.

3. KERAHSIAAN

Pihak-Pihak hendaklah menyimpan, merahsiakan dan menahan daripada mendedahkan terma dan syarat MOU ini dan semua maklumat yang berkaitan dengannya kepada mana-mana pihak kecuali dengan persetujuan bertulis Pihak-Pihak.

4. PERTIKAIAN

Pihak-pihak akan dengan usaha yang terbaik untuk menyelesaikan secara baik melalui perbincangan tanpa membabitkan pihak yang ketiga segala pertikaian, perbezaan dan persoalan yang mungkin timbul yang selaras dan berhubung dengan MOU ini.

5. PENAMATAN

Mana-mana Pihak boleh menamatkan MOU ini dengan memberi Pihak yang satu lagi satu (1) bulan notis bertulis. Atas penamatkan Pihak-Pihak hendaklah memulangkan kepada Pihak satu lagi apa-apa dokumen yang telah dibekalkan.

6. MENYERAH HAK

Tiada Pihak boleh menyerah hak kesemua atau sebahagian dari MOU ini kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis oleh Pihak satu lagi.

7. PENGUBAHSUAIAN, PERUBAHAN & PINDAAN

Sebarang pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan terhadap MOU ini hendaklah dengan persetujuan bertulis kedua-dua Pihak.

8. NOTIS

- 8.1 Sebarang notis, kenyataan atau komunikasi di bawah MOU ini hendaklah secara bertulis dan disampaikan atau dihantar melalui pos berdaftar, emel atau transmisi faksimili kepada alamat (atau alamat lain yang diberikan notis oleh satu Pihak selaras dengan fasal ini) seperti yang dinyatakan di atas.
- 8.2 Mana-mana Pihak boleh menukar alamat surat menyurat penerimaan notis, kenyataan atau komunikasi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis pertukaran alamat tersebut itu kepada Pihak yang lain selaras dengan peruntukan menurut fasal ini.
- 8.3 Maklumat untuk Pihak-Pihak adalah seperti berikut:

Untuk UNIDA:

Nama :	Prof. Dr. K.H. Hamid Fahmy Zarkasyi, M.Ed., M.Phil.
Alamat :	Jl. Raya Siman, Demangan, Siman, Ponorogo, East Java, Indonesia, 63471
Telefon :	+62 821-3970-3726 / Tel. bimbit: +62 81 3337 31713
Email :	rektorat@unida.gontor.ac.id

Untuk MAIK:

Nama :	Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
Alamat :	Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan
Telefon :	09-7481512
Faksimili :	09-7444393
Email :	maik@e-maik.my

9. HUBUNGAN ANTARA DUA PIHAK

Tanpa prejudis terhadap terma-terma kerahsiaan yang dinyatakan di bawah MOU ini, terma-terma dan syarat-syarat MOU ini tidak akan mempunyai apa-apa kesan undang-undang atau mengikat Pihak-Pihak.

10. MASA ADALAH INTIPATI

Mana-mana masa, tarikh atau jangkamasa yang tersebut dalam mana-mana peruntukan adalah merupakan intipati kepada MOU ini.

11. PENGGANTI-HAKMILIK

MOU ini hendaklah dipersetujui bersama dan memastikan manfaat bersama Pihak-Pihak dan pengganti masing-masing dalam hakmilikan dan penerima serah haknya.

12. PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG

MOU ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

13. KESELURUHAN MOU

MOU ini merangkumi semua terma dan syarat yang dipersetujui diantara Pihak-Pihak kepada perkara yang tertakluk dalam MOU ini dan menggantikan semua perjanjian sebelumnya (jika ada) antara Pihak-Pihak berkenaan perkara ini, sama ada bertulis atau lisan.

(Fasal Berakhir)

DALAM MENYAKSIKAN KEDUA-DUA PIHAK yang menyebabkan MOU ini akan dilaksanakan pada hari dan tahun pertama ditulis melalui wakil-wakil yang diberi kuasa.

Ditandatangani oleh
Untuk dan bagi pihak
**UNIVERSITAS DARUSSALAM
GONTOR**

Di hadapan




Timbalan Rektor Bidang Kepesantrenan,
Kemahasiswaan, Kerjasama dan Urusan
Internasional
Assoc. Prof. Dr. Khoirul Umam, M.Ed.

Ditandatangani oleh
Untuk dan bagi pihak
**MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU KELANTAN**

Di hadapan


Timbalan Yang Dipertua
Dato' Haji Mohd Anis bin Hussein




Setiausaha
Haji Muhamad Rasani bin Ramli